

PERSEPSI GURU-GURU SEKOLAH AGAMA RAKYAT TENTANG KURIKULUM DAN PENGAJARAN

Assoc. Prof. Dr. Ismail Jusoh
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
e-mail: jismail@usm.my

Abstract *This article elaborates the results of a case study on perceptions of religious school teachers on curriculum and teaching. The study was conducted based on the concepts introduced by Prof. Dr. Abdullah Nasih Ulwan (1988) who claimed that there were two schools of thoughts that influence the school teachers perceptions. The first school of thought is that of contemporary writers and Islamic thinkers and writers adopt the second. Results from this study indicate that religious school teachers are more inclined towards the concepts hosted by contemporary writers.*

PENDAHULUAN

Artikel ini merupakan satu laporan kajian penerokaan tentang satu pernyataan yang dikemukakan oleh seorang profesor yang pernah bertugas di Universiti King Abdul Aziz, Jedah, iaitu Prof. Dr. Abdullah Nasih Ulwan. Beliau telah menyatakan bahawa terdapat beberapa rancangan oleh penjajah untuk melemahkan dan mengalahkan ummat peribumi (Ulwan, A.N. 1988). Salah satu daripada lima pendekatan yang diusahakan (mengikut pandangan Prof. Nasih Ulwan) ialah cuba mematikan pemikiran Islam di dalam jiwa kaum muslimin serta memutuskan perhubungan mereka dengan Allah SWT. Selanjutnya, Prof. Nasih Ulwan menyebut bahawa salah seorang wakil penjajah, Samuel Zwemer berkata kepada para peserta dalam satu persidangan di Jerusalem pada tahun 1935, bahawa peranan mereka adalah untuk membentuk generasi baru di rumah-rumah kaum Muslimin yang tiada perhubungan langsung dengan Allah dan si Muslim tidak ingin tahun tentang perhubungan itu. Mamadailah jika mereka dapat menjauhkan si Muslim dari Islam dan tidak perlu menukar agama mereka.

Kenyataan di atas ada kebenarannya jika dikaji secara analitis dan kritis. Apa yang dapat dilihat yang berlaku dalam masyarakat Islam hari ini menyokong pandangan tersebut. Selepas kejatuhan Khalifah Othmaniah di Turkey pada tahun 1924, penjajah secara tidak langsung atau secara langsung telah melaksanakan strategi melemahkan aqidah umat Islam di negara-negara Islam yang dijajah. Sistem pendidikan telah diubahsuai mengikut selera mereka. Jika di kaji sejarah perkembangan pendidikan di negara kita Malaysia, kita dapati British telah melaksanakan sistem pendidikan yang menanam unsur-unsur fahaman dualisme iaitu memisahkan pelajaran agama dan pelajaran untuk duniawi. Pelajaran Agama Islam dijadikan sebagai satu subjek seperti subjek-subjek lain. British juga mengekalkan sistem sekolah vernakular dan sistem aliran agama (sekolah pondok). Lulusan dari aliran Inggeris mendapat tempat istimewa dan kemudahan dalam mencari pekerjaan. Lulusan aliran agama terpinggir dan timbul perasaan rendah diri dan mungkin tergadai aqidahnya kerana terpengaruh dengan kehebatan dan keunggulan hidup yang diperolehi melalui sistem pendidikan sekular yang dimomok-momokkan oleh penjajah. Impaknya, seluruh masyarakat (termasuk masyarakat Islam) berlumba-lumba mengejar kejayaan mengikut acuan cara berfikir yang ditanam oleh penjajah. Sistem pendidikan menjadi wadah yang sangat efektif untuk menanam kepercayaan tersebut. Dalam hal ini pemikiran dan pegangan

umat Islam menjadi sasaran utama serangan puak penjajah (An Nadwi, A.N., 1977; Mariam J, 1970). Sehubungan dengan itu, Sekolah Agama Rakyat juga, pada pandangan penulis, mungkin secara tidak disedari telah diserap oleh aliran pemikiran tajaan penjajah.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan hujah di atas, soalan-soalan kajian berikut dikemukakan ;

- Adakah wujud perbezaan kefahaman tentang beberapa konsep dalam pendidikan antara guru-guru sekolah agama rakyat dan pakar pendidikan kontemporari?
- Adakah wujud perbezaan kefahaman tentang beberapa konsep pendidikan dikalangan guru-guru sekolah agama rakyat berdasarkan latar belakang yang berbeza?

METODOLOGI KAJIAN

Untuk menjawab persoalan-persoalan di atas, penulis telah mereka bentuk satu pendekatan kajian yang difikirkan sesuai untuk dijalankan. Reka bentuk kajian ini dibina berdasarkan ulasan berikut;

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian pendahuluan, usaha memutuskan hubungan dengan Allah (perancangan penjajah) boleh dikesan melalui berbagai cara. Penulis berpendapat salah satu cara ialah dengan menanyakan penjawab tentang maksud beberapa istilah yang berkaitan dengan pendidikan. Istilah-istilah tersebut ditafsirkan berbeda mengikut kepercayaan dan kefahaman atau boleh juga disebut sebagai falsafah. Penulis membahagikan kefahaman dan kepercayaan tersebut kepada dua jenis falsafah iaitu aliran **kontemporari** dan satu lagi aliran falsafah yang bersifat **tabii**. Falsafah kontemporari ialah kefahaman yang merujuk kepada idea-idea yang dibawa oleh tokoh-tokoh pendidik dari Barat seperti John Dewey, Maslow, Frued, James Mill dan lain-lain. Manakala kefahaman yang bersifat tabii pula ialah kefahaman yang berlandaskan Al Quran, Hadis dan pendapat ulama-ulama atau tokoh-tokoh pendidik Islam yang komited dengan Islam. Sebagai contoh, istilah pendidikan mempunyai maksud yang berbeda di kalangan dua aliran falsafah di atas. Bagi kumpulan berfahaman kontemporari, pendidikan bermaksud menyampaikan ilmu semata-mata. Ini dijelaskan oleh pandangan pakar pendidikan Amerika, John Dewey yang mengatakan, pendidikan itu adakah kerja mengaturkan pengetahuan untuk menolong dan mengeluarkan serta menambahkan lagi pengetahuan yang ada, agar pendidikan itu dapat hidup, berguna dan bertambah tinggi lagi darjah pengetahuannya (Sulaiman H dan Karimah Z, 1977, ms. 14; Lawson, A.E. 1995). Sedangkan bagi golongan berfahaman tabii, pendidikan bukanlah semata-mata menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi mendidik dan memberi kefahaman, kesedaran dan keyakinan supaya tiap individu sentiasa berhubung dengan Allah dan melaksanakan tugas sebagai hamba Allah (Yakan, F., 1988; An Nadwi, A.H. 1977). Oleh itu, para penjawab yang dipengaruhi fahaman kontemporari (sama ada sedar atau tidak), apabila ditanya tentang konsep pendidikan, akan memberi jawapan yang sama atau hampir sama dengan pendapat para intelek yang berfahaman kontemporari. Begitu juga para penjawab yang mempunyai kesedaran Islam yang menyeluruh akan menjawab selaras dengan kefahaman sebagai pengikut Rasulullah SAW yang komited.

Subjek

Sejumlah 17 orang guru yang terdiri daripada 8 lelaki dan 9 perempuan terlibat dalam kajian ini. Mereka mengajar di beberapa buah sekolah agama di kawasan utara Malaysia. Jadual 1 menerangkan bilangan responden yang terlibat. Subjek kajian tidak mewakili populasi sebenar. Oleh itu kajian ini terbatas kepada kumpulan ini sahaja dan dikategorikan sebagai kajian kes. Sampel terdiri daripada para peserta yang mengikuti kursus latihan pendidikan guru di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.

Jadual 1: Taburan Sampel Menurut Jantina.

Antina	Kekerapan	Peratus
1.00 (L)	8	47.1
2.00 (P)	9	52.9
Total	17	100.0

Selanjutnya, Jadual 2 berikut menjelaskan lagi tentang latar belakang sampel dari segi kelulusan akademik, Umur dan pengalaman mengajar.

Jadual 2: Taburan Sampel Menurut Kelulusan, Umur dan Pengalaman Mengajar

KELULUSAN AKADEMIK			UMUR (Tahun)		
<i>Kelulusan</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>	<i>Umur (Tahun)</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
1.00 (spm)	8	50.0	20-25	2	11.8
2.00 (stpm)	2	12.5	26-30	2	11.8
4.00 (ijazah)	6	37.5	31-35	2	11.8
Total	16	100.0	36 KE ATAS	11	64.7
Missing	1	5.9	Total	17	100.0
Total	17	100.0			

Pengalaman Mengajar

	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
(KURANG 6 TH)	1	6.3
(LEBIH 6 TH)	15	93.8
Total	16	100.0
Missing	1	5.9
Total	17	100.0

Instrumen

Kajian ini menggunakan instrumen yang meminta penjawab memberi respon secara terbuka. Soalan berbentuk terbuka ini bertujuan untuk meneroka apa yang ada dalam fikiran (kefahaman) penjawab mengenai perkara yang dikaji (Cohen, L dan Manion, L. 1977). Seperti yang dihuraikan di atas, soalan-soalan yang dikemukakan adalah untuk

mendapatkan maklumat sama ada terdapat responden yang dipengaruhi oleh pandangan kontemporari atau pandangan yang bercorak tabii. Contoh soalan yang dikemukakan dalam instrumen ialah :

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pengajaran?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan pembelajaran?
3. Apakah yang dimaksudkan dengan kurikulum?
4. Apakah tujuan kurikulum sekolah?

ANALISIS KEPUTUSAN

Bagaimana Data diproses?

Respon subjek dikelaskan kepada dua jenis

- (1) Jawapan bercorak kontemporari, contoh jawapan yang diberi ialah :
 - (i) Kurikulum ialah satu skop yang menjurus ke arah bidang akademik
 - (ii) Kurikulum ialah pengajaran dan pembelajaran dalam semua mata pelajaran.
 - (iii) Kurikulum ialah proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam bilik darjah.

- (2) Jawapan bercorak tabii, contoh jawapan bagi soalan yang sama ialah :
 - (i) Kurikulum ialah bahan-bahan pengajaran dalam kelas dalam menghasilkan dan menambah keilmuan mereka dan akhlak.
 - (ii) Kurikulum ialah penyampaian, pengajaran, pengasuhan, pembelajaran serta pendidikan sampingan yang perlu untuk pelajar-pelajar.

Untuk tujuan analisis statistik, setiap jawapan bercorak kontemporari diberi 2 markah, manakala jawapan bercorak tabii diberi 1 markah. Analisis keputusan kajian ditunjukkan dalam Jadual 3. Jawapan-jawapan yang diberi oleh responden lebih condong untuk dikategorikan sebagai fahaman yang selari dengan pendapat ahli-ahli pendidik kontemporari. Sejumlah 88.2% daripada sampel ini memberi jawapan tentang kurikulum yang sama atau hampir sama dengan yang dijelaskan oleh penulis-penulis kontemporari. Hanya 11.8% saja dari sampel ini memberi jawapan yang boleh dikaitkan dengan tafsiran yang dikemukakan oleh penulis-penulis yang beraliran tabii.

Jadual 3 : Skor Kefahaman Responden Tentang Konsep Kurikulum dan Pengajaran

	Konsep Kurikulum		Konsep pengajaran		
	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>	
Kontemporari	1.5	88.2	Kontemporari	13	76.5
Tabii :	2	11.8	Tabii	4	23.5
Total	17	100.0	Total	17	100.0

Dalam Jadual 3 juga, 76.5% daripada sampel memberi jawapan mengenai pengajaran yang sama (atau hampir sama) dengan huraian yang diberi oleh penulis kontemporari. Contoh jawapan tipikal daripada sampel ialah seperti berikut:-

- i) Pengajaran ialah proses bagaimana sesuatu ilmu itu disampaikan
- ii) Pengajaran ialah memberi ilmu kepada orang lain dengan secara ikhlas
- iii) Pengajaran ialah sesuatu bentuk saranan atau ajaran yang disampaikan kepada kumpulan sasaran

Analisis keputusan jawapan tentang konsep pengajaran seterusnya menunjukkan hanya 23.5% dari sampel memberikan respon yang menggambarkan adanya keseragaman fahaman di antara sampel dengan penulis-penulis beraliran tabii. Contoh jawapan mereka seperti berikut :

Pengajaran ialah memberi didikan roh, jasmani dan keilmuan. Membimbing pelajar dalam membina akhlak dan peribadi yang lebih diredhai Allah.

Penulis selanjutnya membandingkan skor kefahaman konsep kurikulum dan pengajaran di kalangan sampel kajian. Jadual 4a dan 4b mempamerkan skor min bagi kedua-dua konsep yang dikaji menurut latar belakang masing-masing. Skor min bagi setiap latar belakang sampel tidak sama. Bagi umur yang berbeza, skor min juga berbeza. Sebagai contoh, dalam konsep pengajaran, bagi sampel berumur antara 20-25 tahun, skor minnya ialah 2.00 (kontemporari) dan skor min bagi yang berumur lebih daripada 30 tahun ialah 1.80 (juga mendekati kontemporari). Secara keseluruhan, skor min bagi setiap latarbelakang adalah berbeza. Perbezaan tersebut dikesan di dalam kedua-dua konsep yang dikaji (lihat Jadual 4a dan 4b).

Jadual 4a: Perbandingan Skor Konsep Pengajaran dan Kurikulum – Umur dan Pengalaman

Konsep	Umur(th)	Min	Pengalaman	Min
Pengajaran	20-25	2,0000	< 6 tahun	2,0000
	26-30	1,5000	> 6 tahun	1,7500
	31-35	2,0000		
	36>	1,8000		
Kurikulum	20-25	2,0000	< 6 tahun	2,0000
	25-30	2,0000	> 6 tahun	1,8125
	31-35	2,0000		
	36>	1,7000		

Jadual 4b : Perbandingan Skor Min Konsep Pengajaran dan Kurikulum – Kelulusan dan Jantina

Konsep	Kelulusan	Min	Jantina	Min
Pengajaran	SPM	1.6667	Lelaki	2.0000
	STPM	1.0000	Perempuan	1.000
	IJAZAH	2.0000		
Kurikulum	SPM	2.0000	Lelaki	1.500
	STPM	1.5000	Perempuan	1.000
	IJAZAH	1.8000		

Kefahaman - Konsep Kurikulum dan Pengajaran Mengikut Latar Belakang Sampel

Untuk menentukan sama ada perbezaan skor min kefahaman konsep pengajaran dan kurikulum berbeza secara signifikan atau tidak, maka pengiraan ANOVA sehala dijalankan. Jadual 5 menerangkan keputusan tersebut menurut latarbelakang sampel. Daripada Jadual 5, hanya dua perbezaan yang signifikan dikesan iaitu dalam pembolehubah jantina dan kelulusan akademik bagi kefahaman konsep pengajaran. Kedua-duanya signifikan pada paras $p < 0.05$. Seterusnya tidak terdapat perbezaan yang signifikan dikesan untuk skor min bagi kefahaman konsep pengajaran dan konsep kurikulum dalam pembolehubah-pembolehubah latar belakang yang dikaji.

Jadual 5 : Keputusan pengiraan ANOVA Bagi Kefahaman dan Konsep Pengajaran Berdasarkan Latarbelakang Sampel

ANOVA Jantina

		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig
Kurikulum	Between Groups	8.170E-04	1	8.170E-04	.007	.935
	Within Groups	1.764	15	.118		
	Total	1.765	16			
Pengajaran	Between Groups	.837	1	.836	5.647	.031
	Within Groups	2.222	15	.148		
	Total	3.059	16			

ANOVA Kelulusan

		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig
Kurikulum	Between Groups	.417	2	.208	2.031	.171
	Within Groups			1.333	13	.103
	Total	1.750	15			
Pengajaran	Between Groups	1.563	2	.781	11.607	.001
	Within Groups	.875	13	6.731E-02		
	Total	2.438	15			

ANOVA Pengalaman

		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig
Kurikulum	Between Groups	1.667E-02	1	1.667E-02	.135	.719
	Within Groups	1.733	14	.124		
	Total	1.750	15			
Pengajaran	Between Groups	6.667E-02	1	6.667E-02	.318	.582
	Within Groups	2.933	14	.210		
	Total	3.000	15			

ANOVA Umur

		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig
Kurikulum	Between Groups	.128	3	4.278E-02	.340	.797
	Within Groups	1.636	13	.126		
	Total	1.765	16			
Pengajaran	Between Groups	.377	.3	.126	.609	.621
	Within Groups	2.682	13	.206		
	Total	3.059	16			

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Keputusan pengiraan jawapan-jawapan yang diterima menunjukkan memang terdapat dua jenis kefahaman yang berbeza di kalangan sampel kajian. Jadual 3 menggambarkan peratusan yang tinggi (88.2%) bagi responden yang mentafsirkan konsep kurikulum sama dengan yang disogokan oleh penulis-penulis kontemporari. Disamping itu sejumlah 76.5% daripada sampel juga mentafsirkan pengajaran seperti yang dicanang oleh golongan penulis yang sama. Salah satu inferensi yang boleh dicadangkan di sini ialah bahawa masih terdapat kesan-kesan fahaman yang ditinggalkan oleh penjajah di kalangan sampel kajian. Pengaruh dan strategi penjajah untuk merosakkan fahaman umat Islam masih dikesan sehingga hari ini berasaskan tafsiran kajian ini.

Dapatan yang kedua daripada kajian ini ialah terdapat perbezaan kefahaman konsep pengajaran dan kurikulum di kalangan sampel berdasarkan latar belakang jantina, umur, pencapaian akademik dan pengalaman mengajar. Walaupun demikian hanya latar belakang jantina dan kelulusan akademik dalam kefahaman konsep pengajaran sahaja menunjukkan perbezaan yang signifikan dari segi statistik. Ini bermakna bahawa kefahaman yang condong kepada pemikiran kontemporari (min mendakati 2 – jadual 4a dan 4b) adalah berbeza dalam sampel ini. Dengan perkataan lain, ini membayangkan masih lagi terdapat kefahaman yang cenderung kepada pemikiran yang bersifat tabii (subjek yang berkelulusan STPM mendapat skor min 1.00 dalam konsep pengajaran- Jadual 4b).

Daripada keputusan kajian perintis ini, penulis mencadangkan supaya satu kajian yang lebih menyeluruh melibatkan sampel yang lebih besar dijalankan. Pihak sekolah agama dan institusi pendidikan perlu meneliti dan membuat muhasabah dan mencari jalan untuk mengatasi fenomena yang dibincangkan ini. Kesan perancangan penjajah untuk merosakkan aqidah umat perlu ditangani dengan bijaksana dan efektif dengan berpandukan rujukan yang autentik. Rujukan yang paling autentik ialah kembali merujuk kepada kitab Allah, risalah Rasul SAW dan hasil penulisan ulama yang muktabar. Dengan demikian barulah kita dapat membangun insan melalui cara yang berbeza daripada pendekatan yang disogokkan oleh penulis-penulis kontemporari. Insan yang keluar dari institusi pendidikan kita benar-benar cemerlang dari semua sudut, baik dari sudut akal, jasmani dan rohani. Dengan kata lain akan lahirlah manusia yang seimbang dari segi jasmani, akal dan rohani, yang beriman serta bertaqwa kepada Allah. Akhirnya gejala-gejala yang negatif dikesani dalam masyarakat dengan sendirinya terhakis kerana ramai anggota masyarakat yang menghayati konsep ubudiyah yang sempurna. Natijah tersebut hanya wujud sekiranya proses pendidikan dilaksanakan oleh pendidikan yang tidak dipengaruhi oleh kefahaman yang dibawa oleh penjajah atau golongan yang memusuhi Islam sebagai deen.

Rujukan:

An Nadwi, A.H. (1977) *Islam and The World*. Beirut: ILFSO.

Cohen, C. dan Manion L. (1977) *A Guide to Teaching Practise*. London: Methuen.

Yakan, F (1988) *Apa Erti Saya Menganut Islam*. K. Lumpur: Pustaka Islam

Mariam, J (1970) *western Civilization Condemned By Itself*. Lahore:M. Yusuf Khan Publication

Lawson A.E. (1995) *Science Teaching and The Development of Thingking*. California: Wadsworth Publishing Company

Sulaiman, H dan Karimah, Z (1977) *Aliran Pendidikan*. Kota Bharu: Pustaka Aman

Ulwan, A.N. (1988), *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Singapore: Pustaka National